



SIARAN MEDIA

PERKESO, KERAJAAN NEGERI TERENGGANU DAN T-HRDC BERGANDING BAHU BAWA PELUANG PEKERJAAN KEPADA RAKYAT

KUALA TERENGGANU – Program Karnival Kerjaya tiga hari yang bermula semalam telah menarik penyertaan hampir **80 majikan yang menawarkan lebih 5,000 peluang pekerjaan** untuk penduduk Negeri Terengganu.

Program **Karnival Kerjaya MYFutureJobs & Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah Negeri Terengganu 2023** “Outreach Kesejahteraan Pekerjaan Rakyat Negeri Terengganu 2023” ini dianjurkan bersama oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kerajaan Negeri Terengganu dan Pusat Pembangunan Sumber Manusia Terengganu (T-HRDC).

Syarikat daripada pelbagai sektor industri yang menyertai program ini menawarkan jawatan kosong yang bergaji dari **RM1,500** hingga **RM12,500** sebulan. Antara yang mengambil bahagian adalah Petronas, Kumpulan Terengganu Incorporated Sdn Bhd, TM One, Agrobank, BSN, Coopbank Pertama, Pusat Rehabilitasi PERKESO, First Ambulance Services Sdn Bhd, Malaysia Rail Link Sdn Bhd, dan Adabi Consumer Industries Sdn Bhd.

Perasmian program telah disempurnakan oleh **Yang Berhormat Tuan V.Sivakumar, Menteri Sumber Manusia**. Turut sama di majlis tersebut adalah **Dato' Sri Subahan Kamal, Pengurus Lembaga PERKESO** dan **Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO**.

Program tiga hari yang berlangsung dari **6 hingga 8 Julai** di KTCC Mall ini, menyediakan platform untuk menemukan pencari kerja dengan bakal majikan secara bersemuka dalam sesi temu duga terbuka. Program ini bukan hanya sekadar menghimpunkan pencari kerja dan majikan di bawah satu bumbung, malah ia menawarkan perkhidmatan pekerjaan yang akan meningkatkan

kebolehpekerjaan dan kebolehpasaran pencari kerja dalam pasaran buruh. Sepanjang program ini, PERKESO menyediakan perkhidmatan pekerjaan yang dilaksanakan menerusi Portal Pekerjaan Negara MYFutureJobs. Ini termasuklah penyediaan resume, profil pencari kerja, bengkel temu duga, kaunseling kerjaya, program kebolehpekerjaan seperti kursus asas komunikasi, sahsiah diri dan persediaan menghadapi temuduga.

Usaha KSM menerusi PERKESO dalam membantu golongan penganggur boleh dilihat dari **penurunan kadar pengangguran negara** kepada **3.5 peratus pada suku tahun pertama 2023 berbanding 3.6 peratus pada suku tahun keempat 2022**. Bagi Negeri Terengganu, kadar pengangguran turut merekodkan **penyusutan kepada 4.2 peratus berbanding 4.3 peratus bagi tempoh sama**.

Sejak tahun **2020 hingga 30 Jun 2023**, seramai **846,988 pencari kerja** telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan di pelbagai sektor di negara ini menerusi perkhidmatan Portal MYFutureJobs. Daripada jumlah tersebut, **18,323 orang adalah pencari kerja di Terengganu**.

Selain itu, program ini turut memberi tumpuan kepada **Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR)** yang dilaksanakan PERKESO pada 1 Disember 2022. Skim yang diperuntukkan di bawah **Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022** ini menyediakan perlindungan daripada bencana domestik dan keilatan kepada suri rumah sewaktu menguruskan rumah tangga.

Sejak **1 Disember 2022 hingga 2 Julai 2023**, seramai **178,710 orang suri rumah** di seluruh negara dilindungi SKSSR. Dalam tempoh yang sama, seramai **13,085 suri rumah di Terenggannu** mencarum dengan SKSSR, menjadikan Terengganu sebagai negeri ketiga pencarum SKSSR terbanyak selepas Sabah dan Sarawak.

Sewaktu majlis perasmian tersebut, YB Menteri Sumber Manusia telah menyampaikan penghargaan kepada majikan yang membuat pengambilan pekerja tempatan, sekali gus menyokong **Kempen Ambil Pekerja Lokal** oleh Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO. Kempen ini tertujuan menggalakkan pengambilan tenaga kerja tempatan oleh majikan, seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

YB Menteri juga telah menyerahkan Surat Tawaran Kerja kepada pencari kerja Golongan TVET serta pencari kerja yang memperoleh pekerjaan melalui Portal MYFutureJobs. Dalam majlis yang

sama, penyerahan sumbangan juga dibuat kepada *Caring Centre* dan peserta Program *Return To Work* serta Program Cakna Prihatin PERKESO & Lembaga Tabung Haji. YB Menteri kemudiannya melawat Tapak Karnival Kerjaya dengan diiringi oleh Dato' Sri Subahan Kamal dan Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Mohammed bersama dif-dif kerhormat.

Bagi rakyat Malaysia, khususnya masyarakat Negeri Terengganu yang sedang mencari pekerjaan atau meninjau peluang pekerjaan lain, PERKESO menggalakkan mereka segera berdaftar di Portal MYFutureJobs di www.myfuturejobs.gov.my. Bagi sebarang maklumat lanjut, sila rujuk laman web rasmi PERKESO www.perkeso.gov.my atau hubungi Careline PERKESO di 1-300-22-8000 atau e-mel perkeso@perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI DAN HAL EHWAL KORPORAT

7 Julai 2023

Untuk pertanyaan media, sila hubungi Mohd Wazid Zaidon di talian +6017-619 3181 atau emel wazid.zaidon@perkeso.gov.my